



# پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN ایمان

"WAHAI manusia! Bertakwah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam Alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan daripada pasangannya (Hawa), Dia (Allah) mengembang-biakkan daripada kedua-duanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Menguasai (Memerhati) kamu".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa', ayat 1.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 SUBUH 4.49 SYURUK 6.14 DUHA 6.38 ZUHUR 12.26 ASAR 3.52 MAGHRIB 6.37 ISYAK 7.52 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 82

8 JULAI 2024 / 1446 محرم 2

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

## KEBERKATAN HIJRAH PEMBUKA PINTU RAHMAT

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma  
Pg. Haji Ali  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Julai. - Peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak ada harga untuk disebut, melainkan ianya membawa mesej pengajaran yang termahal dalam sejarah.

Ia dilihat sebagai pembuka pintu rahmat bagi umat. Dengannya, Islam mula bebas tersebar tanpa sekatan. Itulah keberkatan hijrah.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1446.

## Berangkat ke Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1446



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ilal Hijrah 1446. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

## Berita Utama



KESEDARAN mengenai penyakit buah pinggang masih di tahap rendah

Muka 7



PESERTA PK Sesi 1 / 2024 terima sijil

Muka 10



REBUT peluang lakukan perubahan, perbaiki diri

Muka 17



RENCANA MEMELIHARA akal, masyarakat sejahtera

Muka 19

# Komuniti keperluan khas perlu sokongan, capai potensi sepenuhnya

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**T**UAN-tuan dan puan-puan, selamat pagi kepada awda semua. Saya berbesar hati mengalu-alukan awda di sini hari ini untuk perasmian Sekolah Pusat Ehsan, yang menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam komitmen berterusan Negara Brunei Darussalam terhadap pendidikan inklusif.

Pusat Ehsan mewakili lebih daripada sekadar organisasi atau bangunan; ini adalah tempat di mana setiap kanak-kanak, tanpa mengira kebolehan mereka, akan berpeluang

untuk belajar dan berkembang maju.

Putra Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di bawah naungan bonda saya, diwujudkan dengan satu misi penting; untuk meningkatkan kualiti hidup semua kanak-kanak dalam komuniti keperluan khas melalui pendidikan komprehensif serta program vokasional dan pemuliharan. Misi ini berterusan dalam keluarga kami, selama lebih daripada dua dekad.

Sebagai sebuah keluarga, kami mempunyai hubungan peribadi dengan komuniti berkeperluan khas dan ia adalah sebab yang luar biasa di hati kami. Bonda saya memperjuangkan usaha ini selama yang saya ingat dan ia adalah sesuatu yang saya dan isteri saya harapkan, untuk diteruskan seiring perjalanan kehidupan kami.

Kami menyaksikan sendiri cabaran dan

kejayaan individu dalam komuniti keperluan khas, yang menyemarakkan lagi keazaman kami, untuk mewujudkan tempat di mana setiap kanak-kanak dihargai, disokong dan diberi kuasa untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Apa yang bermula sebagai usaha penuh belas kasihan untuk keluarga kami kini telah berkembang menjadi institusi yang luar biasa yang kami ada sekarang.

Putra Ehsan berbangga kerana telah mengumpulkan pasukan tenaga pengajar yang berdedikasi dan berpengalaman, termasuk beberapa ahli terapi yang merupakan Pakar Kesihatan Bersekutu, yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Komuniti berkeperluan khas selalunya diketepikan, tanpa kesedaran dan sokongan yang sewajarnya. Putra Ehsan komited untuk mengubahnya, dengan menyokong secara inklusif, persefahaman dan peluang yang sama untuk semua.

Kepentingan pendidikan inklusif adalah sesuatu yang disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Surau Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Bangunan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam pada Khamis, 4 Julai 2024, bertempat di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkungor.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja yang membolehkan penubuhan sekolah ini. Kemurahan hati dan sokongan berterusan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Surau Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Bangunan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam pada Khamis, 4 Julai 2024, bertempat di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkungor.

awda memainkan peranan penting dalam menjadikan visi ini menjadi kenyataan.

Terima kasih semua kerana menyertai kami di sini hari ini pada majlis yang penting ini.

Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
wabarakatuh.

**KOMUNITI berkeperluan khas selalunya diketepikan, tanpa kesedaran dan sokongan yang sewajarnya.**  
**Pusat Ehsan komited untuk mengubahnya, dengan menyokong secara inklusif, persefahaman dan peluang yang sama untuk semua.**

WAKTU SEMBAHYANG												
Julai	MASIH	HARI	Muharam	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	ISNIN	2	4 . 39	4 . 49	6 . 14	6 . 38	12 . 26	3 . 52	6 . 37	7 . 52		
9	SELASA	3	4 . 40	4 . 50	6 . 14	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 37	7 . 52		
10	RABU	4	4 . 40	4 . 50	6 . 14	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 37	7 . 53		
11	KHAMIS	5	4 . 40	4 . 50	6 . 14	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 37	7 . 53		
12	JUMAAT	6	4 . 40	4 . 50	6 . 14	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 37	7 . 52		
13	SABTU	7	4 . 41	4 . 51	6 . 15	6 . 39	12 . 27	3 . 52	6 . 37	7 . 52		
14	AHAD	8	4 . 41	4 . 51	6 . 15	6 . 39	12 . 27	3 . 52	6 . 38	7 . 52		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan  31 °C 25 °C	 31 °C 25 °C	 33 °C 25 °C
Pekan Bangar  31 °C 25 °C	 31 °C 25 °C	 33 °C 25 °C
Pekan Tutong  31 °C 25 °C	 31 °C 25 °C	 33 °C 25 °C
Kuala Belait  31 °C 25 °C	 31 °C 25 °C	 33 °C 25 °C

Wallahu alam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

8 JULAI 2024

### Akal sihat, menentukan kesempurnaan hidup

**K**ITA perlu rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita di negara yang bertuah ini berpeluang menyambut kedatangan Tahun Baharu Hijrah 1446 dalam keadaan penuh selesa lagi harmoni.

Mudah-mudahan dengan kedatangan Tahun Baharu ini, negara kita akan terus dalam lindungan-Nya, rakyat dan penduduknya sentiasa menjalani kehidupan dengan aman sejahtera dan dikurniakan pelbagai nikmat dari-Nya.

Tahun Hijrah merupakan tarikh yang amat penting kerana ia telah memahat sejarah agung perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada peringkat awal Islam. Kita gunakan ketibaan bulan Muharam di Tahun Baharu Hijrah ini untuk kita menanam azam baharu di dalam kehidupan. Kita memperbaharui niat agar menjadi versi diri yang lebih baik daripada yang sebelumnya. Kita tinggalkan segala tabiat-tabiat yang menjelaskan, kemurungan, kerugian diri dan keluarga.

Sesungguhnya orang yang sanggup bersusah payah melakukan perubahan (hijrah) kerana Allah Subhanahu Wata'ala, nescaya akan mendapat kemuliaan dan darjat yang tinggi di sisi Allah.

Tema bagi Sambutan Ilal Hijrah 1446 tahun ini ialah 'Memelihara Akal, Masyarakat Sejahtera'.

Dalam Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baharu Hijrah 1446 menyatakan akal menentukan kesempurnaan hidup. Manakala akal sihat, maka sihatlah hidup dan manakala akal rosak, maka rosaklah hidup.

Allah menciptakan manusia dengan bentuk yang sempurna luar dalam, yakni dengan memberikan segala yang diperlukan oleh mereka. Allah menciptakan manusia lengkap dengan akal yang membuat mereka boleh berfikir, merenung dan belajar berbagai macam ilmu.

Fungsi akal dalam Islam sangatlah luas. Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 164, "Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, pergantian malam dan siang bahtera yang berlayar di laut dengan (muatan) yang bermanfaat bagi manusia, apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengannya Dia menghidupkan bumi setelah mati (kering) dan Dia menebarkan di dalamnya semua jenis haiwan dan pengisian angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi, (semua itu) sungguh merupakan tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang mengerti".

Ayat ini menunjukkan bahawa akal digunakan untuk memahami tanda-tanda kebesaran Allah yang terlihat dalam alam semesta. Dengan itu, kita perlu memelihara akal fikiran kita daripada perkara-perkara yang negatif yang boleh membawa kepada keburukan atau kerosakan. Dengan penghijrah ini, semoga kita diberikan kerahmatan dan sentiasa bermuhasabah diri dan istiqamah. - Ketua Penyuntingan (Na)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

## BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1446



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ilal Hijrah 1446. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /  
Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Md. Hasnal Ali  
Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ilal Hijrah 1446 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ilal Hijrah 1446; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu

Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Terdahulu, Doa Akhir Tahun Hijrah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sejurus itu, sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan sebelum Azan Fardu Maghrib dilaungkan pada jam 6.37 petang.

>> Muka 4



**SEMBAHYANG** Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

## Pelihara akal melalui pendidikan ugama, dakwah

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, konsep memelihara akal dapat dihubungkan dengan hukum pengharaman benda-benda yang memabukkan.

"Manusia manakala mabuk,

bererti akalnya sedang bermasalah. Orang yang mabuk, sama ada mabuk kerana arak atau ganja atau dadah, semua itu menjadi alamat bahawa akal orang yang mabuk itu adalah rosak.

"Kerana itu ugama Islam sangat bertegas mengharamkan benda-benda yang memabukkan," Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun

Baharu Hijrah 1446 di Istana Nurul Iman, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyebut tentang akal, ia juga berkaitan dengan mental. Pada akhir-akhir ini, kesihatan mental banyak diperkatakan.

Maka sehubungan itu, titah baginda usaha-usaha bersepada kerajaan baginda dalam menangani isu-isu kesihatan mental yang semakin meningkat dan membimbangkan, amatlah dialu-alukan.

Kebawah DYMM difahamkan, kira-kira seramai 11,000 orang lebih, yang terdiri daripada

kanak-kanak hingga dewasa adalah sedang menerima rawatan Perkhidmatan Psikiatri dan Psikologi Klinikal di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

"Oleh itu, usaha-usaha yang sedia ada perlu dipertingkatkan lagi, supaya isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan."

"Beta mahu, program kesihatan mental secara saintifik dan kerohanian hendaklah diaktifkan melalui pendidikan, terutama pendidikan ugama dan dakwah secara berterusan," tegas

baginda.

Inilah titah baginda lagi, antara konsep hijrah, iaitu untuk mengubah atau membaik perkara negatif kepada positif.

"Di sinilah paksi amalan melalui penghijrahan. Maksud beta, penghijrahan itu elok dilakukan secara bersama, sebagai cara hidup, untuk memperolehi perubahan-perubahan terbaik dalam kehidupan," titah baginda lagi.

Bagi mengakhiri titah, baginda dan keluarga baginda dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Ilal Hijrah 1446 kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini, dengan harapan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua berupa keamanan, kesihatan, kesejahteraan dan kemakmuran.

## Keberkatan hijrah pembuka pintu rahmat

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah ia merupakan pembawa

perubahan lebih bererti kepada kehidupan umat Islam khasnya dan kepada alam sejagat amnya.

Konsep hijrah tidak hanya sekali berlaku tetapi berterusan berlaku, sebagaimana maksud hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Abu Daud :

"Dari Muawiyah Radiallahuanhu dia berkata : Aku telah mendengar

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Hijrah itu tidak akan berhenti sehingga tertutupnya peluang taubat dan peluang taubat pula tidak akan tertutup sehingga matahari terbit dari tempat terbenamnya," Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Tahun Baharu Hijrah 1446 di Istana Nurul Iman.

Tema sambutan pada tahun ini, berbunyi : 'Memelihara Akal'. Dalam titah baginda, tema ini bagus, kerana akal menentukan kesempurnaan hidup.

"Manakala akal sihat, maka sihatlah hidup dan manakala akal rosak, maka rosaklah hidup," titah baginda lagi.

Terdahulu, Kebawah DYMM

bertitah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya juga, dapatlah kita menyambut Ilal Hijrah 1446 dalam suasana aman yang diberkati.

Baginda berharap semoga Tahun 1446 Hijrah ini akan memberikan semangat baharu untuk kita menjalani kehidupan berbakti.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

### >> Muka 3

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah

dan selanjutnya bacaan Doa bagi memohon keberkatan majlis.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah yang

memimpin

Selamat hadir. Sambutan Ijal Hijrah 1446 dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kesihatan dengan tema Sambutan Ijal Hijrah 1446, 'Memelihara Akal, Masyarakat Sejahtera'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (atas). Sementara gambar bawah kiri, jemaah perempuan yang turut hadir pada majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar bersama jemaah yang hadir (atas). Manakala gambar bawah, antara jemaah yang hadir pada majlis berkenaan.



TEMBAKAN meriam menandakan kedatangan Ijal Hijrah 1446.

# Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1446

## Daerah Belait



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu khas pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1446 di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan (atas dan kanan).**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BELAIT**, Sabtu, 6 Julai. - Sembahyang Berjemaah dan Doa Kesukuran bagi menyambut kedatangan Awal Tahun Hijrah 1446 juga turut diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1446 Peringkat Daerah Belait diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, di sini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad; dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN



Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyuum bin Haji Aminuddin yang juga turut mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Awal Tahun Hijrah dan diselanjurkan dengan Sembahyang Sunat Ba'diah dan Sembahyang Sunat Hajat

Berjemaah.

Manakala Doa Selamat dibacakan oleh Awang Abdul Qayyuum bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam sentiasa beroleh keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar daripada segala wabak penyakit dan bala bencana.

Tema Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1446 ialah 'Memelihara Akal, Masyarakat Sejahtera'.

Juga hadir, penghulu dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan setiap jabatan di Daerah Belait serta para pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga penduduk di Daerah Belait.

## Daerah Tutong



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Sabtu, 6 Julai. - Negara Brunei Darussalam menyambut ketibaan Awal Tahun 1446 Hijrah dengan Sambutan Ilal Hijrah bagi memperingati peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah, yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara mulai jam 5.00 petang, hari ini.

Sehubungan itu, tumpuan utama majlis berkenaan di daerah ini ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu kehormat majlis.

Antara pengisian utama acara adalah bacaan zikir dan Doa Akhir Tahun Hijrah dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof, yang kemudian turut mengepalai bacaan Doa Awal Tahun Hijrah.

Sejurus itu, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof, yang kemudian turut mengepalai bacaan Doa Awal Tahun Hijrah.

Atur cara majlis juga diisikan dengan Sembahyang Sunat Ba'diah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah serta bacaan



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Ilal Hijrah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (atas dan atas kiri).**

Doa Selamat bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam sentiasa beroleh keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar daripada segala wabak penyakit dan bala bencana.

Tema bagi Sambutan Ilal Hijrah

1446 tahun ini ialah 'Memelihara Akal, Masyarakat Sejahtera'.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Juga hadir, penghulu dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan setiap jabatan di Daerah Tutong serta para pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga penduduk sekitar.

# Majlis Sambutan Ihal Hijrah 1446

## Daerah Temburong



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir bagi mengimarahkan Sambutan Ihal Hijrah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas dan kanan).**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TEMBURONG**, Sabtu, 6 Julai. - Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala pujian itu bagi Allah Tuhan pentadbir seluruh alam, selawat dan salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berserta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda.

Ya Allah! Engkaulah Tuhan yang kekal untuk selama-lamanya, sedia ada lagi tiada permulaan.

Kelebihan-Mu Maha Agung dan kemurahan-Mu amat melimpah yang sangat-sangat diharapkan.

Tibalah sudah Tahun Baharu ke atas kami, kami memohon kepada-Mu perlindungan pada tahun ini daripada syaitan yang direjam dan konco-konconya serta bala tenteranya.

Kami juga memohon kepada-Mu pertolongan mengalahkan runtunan nafsu yang mendorong ke arah kejahatan, dan kami juga memohon kepada-Mu kerja-kerja kebaikan

yang boleh mendampingkan diri kami kepada-Mu, wahai Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan! Tuhan yang sebaik-baik mengurniakan rahmat.

Selawat dan salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berserta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda dan segala pujian itu bagi Allah tuhan pentadbir seluruh alam.

Demikian antara makna petikan Doa Awal Tahun Hijrah yang juga tidak ketinggalan dipanjatkan oleh sekalian jemaah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini dalam menyambut Majlis Ihal Hijrah bagi Tahun Baharu 1446 sejurus memasuki waktu Fardu Maghrib hari ini.

Terdahulu, sebelum masuk waktu Fardu Maghrib, Awang Muhammad Syahmi memimpin Doa Akhir Tahun



Hijrah yang antara lain bermaksud dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dan segala pujian itu bagi Allah Tuhan pentadbir seluruh alam, selawat dan salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad berserta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda.

Ya Allah! Apa yang telah kami lakukan pada tahun ini dari perkara-perkara yang Engkau larang dan kami belum bertaubat daripadanya padahal Engkau tidak meredainya dan kami telah melupakannya sedang Engkau pula tidak melupakannya dan Engkau berlemah lembut kepada kami sedang Engkau berkuasa mengazab kami, malah memberi kami peluang supaya kami bertaubat selepas kami menceburkan diri melakukan maksiat kepada-Mu.

Oleh yang demikian, kami memohon keampunan-Mu, maka ampunkanlah kami. Dan apa-apa

yang telah kami lakukan sepanjang tahun ini dari perkara-perkara yang Engkau redai dan Engkau telah menjanjikan ganjaran pahala kerananya, maka kami memohon kepada-Mu Ya Allah, Tuhan Yang Maha Mulia, yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan semoga Engkau menerima (amal bakti) yang telah kami lakukan dan Engkau tidak menghamparkan harapan kami, wahai Tuhan yang Maha Mulia.

Selawat dan salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad berserta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda dan segala pujian itu bagi Allah Tuhan pentadbir seluruh alam.

Hadir sama bagi mengimarahkan Sambutan Ihal Hijrah di sini, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Sejurus Azan Maghrib yang dikumandangkan oleh Bilal masjid berkenaan, Awang Haji Mohd. Fairuz bin Haji Suhaimi, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dilaksanakan yang diimamkan oleh Awang Muhammad Syahmi yang juga mengimamkan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Bagi sama-sama mohon keberkatan, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Zaini.

Semoga Tahun 1446 Hijrah ini akan memberikan kita sinar hidup kebahagiaan yang penuh kebaikan untuk menjadi seorang umat Islam yang sejati demi meraih kenikmatan sebenar dan ke arah memperoleh keselamatan baik di dunia dan juga akhirat kelak.

## 323 warga Kementerian Pendidikan terima P.K.L



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) bagi Tahun 2023 (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Seramai 323 pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan termasuk tenaga pengajar di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajaran tinggi menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L), hari ini.

Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, P.K.L bagi Tahun 2023 adalah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni



Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 Tahun bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Pendidikan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Penyampaian Pingat berkenaan diadakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, berlangsung di Dewan Banquet,

Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Nasehin bin Haji Yahya.

Acara diteruskan dengan penyampaian P.K.L bagi Tahun

2023 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan Doa Kesyukuran di atas kepulangan jemaah haji Kementerian Pendidikan. Pengurniaan P.K.L ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas jasa dan sumbangan kerja yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan para penerima pingat.

Ia juga merupakan satu dorongan motivasi dan penyuntik semangat khususnya kepada warga kementerian untuk memberikan kualiti kerja yang bermutu tinggi dan mencapai prestasi yang cemerlang secara berterusan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Majlis Pelancaran Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua.**

**GADONG**, Ahad, 7 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah di antara negara yang mempunyai kadar tertinggi di dunia bagi pesakit buah pinggang di peringkat akhir (End Stage Kidney Disease).

Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Buah Pinggang Brunei Darussalam telah merekodkan seramai 1,018 individu menghidapi penyakit buah pinggang peringkat akhir pada 2023.

Perkara berkenaan digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2024 bertempat di Atrium Concourse, The Mall, pagi tadi.



**GADONG**, Ahad, 7 Julai. - Kementerian Kesihatan pada hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2024 bertempat di Atrium Concourse, The Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

# KESEDARAN MENGENAI PENYAKIT BUAH PINGGANG MASIH DI TAHAP RENDAH

Menurut Yang Berhormat, penyakit buah pinggang kronik merupakan salah satu cabaran kesihatan global yang serius, menjelaskan lebih daripada 850 juta orang di seluruh dunia dan ia juga adalah penyebab kematian kelapan tertinggi di dunia, menyebabkan lebih daripada 3.1 juta kematian pada 2019.

Jika tidak ada tindakan segera diambil tegas Yang Berhormat, penyakit buah pinggang kronik berkenaan dijangka akan menjadi penyebab utama kematian kelima tertinggi menjelang tahun 2040.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai tema Hari Buah Pinggang Sedunia pada tahun ini, iaitu 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua', iaitu memantapkan akses rawatan yang saksama dan amalan ubat yang optimum.

"Tema ini memfokuskan kepada meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan untuk memastikan akses yang saksama kepada rawatan dan penjagaan yang sesuai bagi orang yang menghidap penyakit buah pinggang untuk meningkatkan kualiti hidup mereka dan melambatkan

perkembangan penyakit mereka.

"Sejak tiga dekad kebelakangan ini, rawatan penyakit buah pinggang telah tertumpu kepada terapi penggantian buah pinggang seperti rawatan dialisis dan pemindahan buah pinggang.

"Pada masa ini, kemajuan terapeutik telah terbukti dapat mencegah atau menangguhkan penyakit dan mengurangkan komplikasi penyakit buah pinggang, jika ia dimulakan sejak awal dan dikenalkan secara konsisten," terang Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menegaskan Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dan komited dalam memastikan rawatan-rawatan baharu berkenaan tersedia untuk semua pesakit yang memerlukannya di samping giat berusaha untuk meningkatkan akses kepada rawatan termasuk dialisis dengan menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis di pusat-pusat yang berdekatan dengan komuniti.

Walaupun akses kepada rawatan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

bagi penyakit buah pinggang telah tersedia bagi orang ramai jelas Yang Berhormat, namun kita masih menghadapi beberapa halangan dalam penyampaian perkhidmatan rawatan seperti kurang kesedaran tentang penyakit buah pinggang, kurang keyakinan pesakit terhadap strategi terapeutik dan jumlah pakar buah pinggang yang terhad.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, kesedaran tentang penyakit buah pinggang masih berada di tahap yang rendah dan terdapat satu kajian menunjukkan bahawa 80 hingga 95 peratus pesakit di seluruh dunia tidak menyedari keadaan kesihatan mereka dan hal ini menyebabkan kehilangan peluang untuk memulakan rawatan pada waktu yang tepat untuk mencapai penjagaan yang optimum.

Ujar Yang Berhormat lagi, setiap individu perlulah bertanggungjawab atas kesihatan masing-masing seperti memahami keperluan

kesihatan diri, membuat pilihan yang sihat dan bijak, serta mendapatkan sokongan psikososial jika perlu.

"Justeru itu, jerayawara pada hari ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit buah pinggang, mengetahui akan faktor risiko penyakit buah pinggang seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan obesiti, kepentingan untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat, kepatuhan kepada strategi rawatan, dan membina kapasiti tenaga kerja dalam penjagaan kesihatan.

"Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga ingin menasihatkan agar orang ramai untuk berwaspada dalam mengambil sebarang suplemen, ubat tradisional dan herba yang sering dipromosikan di media sosial yang berkemungkinan lebih berbahaya dan memberi kesan yang buruk kepada kesihatan buah pinggang," ujar Yang Berhormat lagi.

## Pelancaran Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua (kiri dan kanan).**



dan ia menjadi pusat pemeriksaan dan tempat konsultasi daripada pelbagai pakar yang berkaitan dengan penyakit buah pinggang.

Jerayawara berkenaan juga memberi peluang untuk mengumpulkan semua bidang perubatan dalam masa dan tempat yang sama dengan satu matlamat, iaitu untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai mengenai kesihatan dan pencegahan penyakit buah pinggang.

Di antara pemeriksaan kesihatan yang dijalankan adalah pemeriksaan gula dalam darah, pemeriksaan air kencing dan tekanan darah, timbangan berat badan dan pemeriksaan mata.

Khidmat konsultasi bersama doktor renal juga turut tersedia selepas pemeriksaan kesihatan dijalankan.

Jerayawara berkenaan juga disertai dari Pusat Promosi Kesihatan, Klinik Berhenti Merokok, Klinik Diabetes, Klinik Obesiti, Klinik Podiatri, Klinik Mata, Klinik Psikiatri, Klinik Jantung, Pakar Pemakanan dan Farmasi.

Pada sebelah petang pula, sesi forum diadakan bersama pegawai perubatan serta pesakit yang menjalani rawatan penggantian buah pinggang dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan pengetahuan tentang penyakit buah pinggang kronik berserta komplikasinya.

Selain itu, pelbagai permainan,

sukaneka dan kuiz juga dibuka bagi penyertaan orang ramai serta pameran rawatan dialisis dan pemindahan buah pinggang dan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



**ANTARA pameran yang diadakan pada jerayawara tersebut.**

# PESERTA BENGKEL PENYEMBELIHAN SECARA ISLAM TERIMA SIJIL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Julai. - Seramai 60 peserta menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Bengkel Penyembelihan Secara Islam bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung di Masjid Jefri Bolkiah, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta bengkel, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga selaku Ketua Kampung Putat.

Bengkel berkenaan merupakan anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong; dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara.

Antara tujuan bengkel berkenaan diadakan adalah bagi memberi pendedahan mengenai

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Putat hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta Bengkel Penyembelihan Secara Islam bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung di Masjid Jefri Bolkiah (atas kiri dan kiri).

cara-cara penyembelihan menurut hukum syarak di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para peserta dengan pegawai dan kakitangan dari

JHEM dan Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Bengkel berkenaan juga diharat menjadi salah satu aktiviti untuk mengimarahkan masjid.


**Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat**  

  
**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**  


[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

## Cuaca diramalkan aktif sehingga 10 Julai nanti

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Julai. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga September.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di negara kita pada kebiasaannya adalah agak stabil dengan kejadian ribut petir berkurangan berbanding semasa monsun peralihan.

Keadaan angin secara amnya akan bertup dari arah Barat Daya

semasa tempoh ini.

Keadaan cuaca diramalkan aktif bagi beberapa hari yang akan datang bermula hari ini sehingga pagi Rabu, 10 Julai 2024, dengan hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekalaka menjelaskan kebanyakan kawasan negara.

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit, di bawah 1.0 meter (m).

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

- 3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**



1 bungkus  
**Mee Segera**

**1000 mg**



Sebijik  
**Telur Masin**

**880 mg**



1 sudu makan  
**Kicap**

**376 mg**



3 sudu makan  
**Corned Beef**

**295 mg**



1 bungkus kecil  
**Keropok Ubi Kentang**

**243 mg**



1 bungkus kecil  
**Keropok Udang Tempatan**

**120 mg**



1 cawan  
**Kentang Goreng**

**116 mg**



Segenggam  
**Kacang Tanah (Salted)**

**15 mg**



3 keping  
**Kraker Beras**

**2.4 mg**



1/2 cawan  
**Amping**

**1.7 mg**



Segenggam  
**Kacang Tanah (Unsalted)**

**1.2 mg**



Sebijik ukuran sederhana  
**Pisang**

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari**

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

# REBUT PELUANG LAKUKAN PERUBAHAN, PERBAIKI DIRI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Jabatan Penerangan

**TUTONG**, Ahad, 7 Julai. - Dalam Surah An-Nisa, ayat 100, tafsirnya : "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian dia mati (dalam perjalanan) maka sesungguhnya telah tetap pahala (hijrahnya) di sisi Allah. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Dengan melangkahnya kita ke Tahun Baharu 1446 Hijrah ini, rebutlah peluang untuk mendekatkan diri kita kepada Allah

Subhanahu Wata'ala.


Dengan membuat perubahan dan memperbaiki diri ke arah mempertingkatkan keimanan, amalan dan ketakwaan kepada-Nya agar kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak.

"Dengan penghijrahan / perubahan Tahun Baharu Hijrah ini, saya berusaha untuk meningkatkan amalan dan ketakwaan serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan saya terus istiqamah dalam melakukan amal ibadah," ujar Dayang Shafeeqah binti Muhammad, 22 tahun dari

Kampung Penanjong. Jelasnya lagi, beliau berhasrat untuk mengkhatamkan bacaan Al-Quran sebanyak dua kali atau lebih dalam setahun.

Dalam pada itu, Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa membantu hamba-hamba-Nya yang berniat untuk melakukan perubahan pada diri dengan bersungguh-sungguh untuk berubah. Berniat berubah daripada melakukan keburukan kepada kebaikan, membuat perubahan dengan meninggalkan segala larangan-Nya.

UMAT Islam digalakkan meningkatkan amalan dan ketakwaan serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



## Bijak pilih makanan seimbang demi tubuh yang sihat



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumun

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Julai. - Pemakanan memainkan peranan penting untuk mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan manusia, namun pada masa kini, makanan turut membawa kesengsaraan kepada manusia.

Makanan yang berlebihan terutama pengambilan makanan berproses yang kaya dengan gula, garam, bahan pengawet, karbohidrat atau bahan campuran lain akan memberikan komplikasi pada kesihatan tubuh badan.

Pengambilan makanan yang tidak seimbang dengan banyak

kandungan bahan gula dan lemak yang tinggi boleh menjadi punca utama kepada masalah obesiti, malah turut membuka ruang untuk mendapat penyakit yang lebih kronik seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis, buah pinggang dan lain-lain.

Jika itu tidak dikawal, ia akan memudaratkan kesihatan tubuh badan. Oleh itu, kita seharusnya bijak dalam memilih hidangan untuk dimakan. Pengambilan makanan segera hendaklah dipantau dan dikurangkan demi menjaga kesihatan tubuh badan dari segala penyakit yang tidak diingini.

MAKANAN yang berlebihan terutama pengambilan makanan berproses yang kaya dengan gula, garam, bahan pengawet, karbohidrat atau bahan campuran lain akan memberikan komplikasi pada kesihatan tubuh badan (kiri dan bawah kiri).

Sebagai pengguna, awda perlu lebih bijak dan mempelajari cara untuk mengenal pasti kandungan bahan 'tersembunyi' dan tambahan' yang terkandung di dalam makanan berbungkus.

Guna maklumat pemakanan dan senarai ramuan pada bungkus makanan sebagai panduan untuk mengetahui kandungan tenaga dan nutrien (karbohidrat, protein dan lemak) dalam makanan dan membuat rujukan kandungan gula pada sesuatu makanan atau minuman tersebut.

Tetapi perlu diingat, gula 'tersembunyi' juga terdapat di dalam makanan dan minuman yang disajikan di restoran, kafe dan gerai seperti kuih-muih dan pencuci mulut lain.

Di samping itu, antara cara mudah untuk mengawal pengambilan makanan segera adalah dengan

سوروهنجا ی قر خدمت عوام  
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

### INGIN MENGETAHUI TARikh UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)  
dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961 | [PSC.BN](https://www.facebook.com/PSC.BN) | [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

memilih jenis makanan dan cara penyediaan yang lebih sihat dan selamat dengan mengurangkan penggunaan minyak dan garam dalam masakan.

Untuk mengelakkan kita daripada pelbagai penyakit akibat daripada pola makanan yang tidak teratur, kita harus membentuk tabiat pemakanan yang seimbang dan

sihat.

Oleh yang sedemikian, marilah kita sama-sama menjaga dan berhati-hati dalam pemilihan pemakanan pada setiap masa kerana usaha mencegah itu lebih baik daripada mengubati dan Islam sendiri menganjurkan umatnya agar dapat membuat keseimbangan dalam pengambilan pemakanan.



#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Jangan Ambil Mudah Isu Pergaulan Bebas'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2024
- 'Cara-Cara Menghindari Penyalahgunaan Dadah'. Tarikh Tutup : 17 Julai 2024
- 'Penerapan Pendidikan Undang-undang di Sekolah Rendah'. Tarikh Tutup : 24 Julai 2024

#### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

#### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

# IMBASAN MINGGUAN



PELAJAR mewakili Sekolah Seri Mulia Sarjana, Jangsak semasa turut sama di dalam program pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

ANGGOTA beruniform bersiap sedia untuk membawa masuk Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



SESI Demonstrasi Memasak sebagai sebahagian daripada Aktiviti JIS Enrichment Week yang diadakan di Kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Sungai Tilong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



PARA petugas semasa mengumpulkan barang-barang kitar semula. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

ANTARA pelajar dan ibu bapa termasuk tenaga pengajar dan kakitangan DES School semasa hadir menyertai Acara Walkaton sempena memperingati dan meraikan Ulang Tahun DES School Ke-30, yang diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



# Memelihara akal, masyarakat sejahtera

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARI ini merupakan cuti awam sebagai ganti kelmarin sempena Awal Tahun Baharu Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, marilah kita sama-sama menghayati makna hijrah itu.

Awal Tahun Hijrah yang kita sambut setiap tahun itu perlu difahami dan dihayati agar kita dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Hijrah bukan sahaja bererti berpindah dari suatu tempat ke tempat yang lain tetapi ia juga bererti melakukan hijrah ataupun perubahan iaitu membaiki diri untuk berubah ke arah yang lebih baik. Kita dapat melakukan perubahan dengan hijrah dalam kehidupan kita sehari-hari.

Bermula tahun lalu, Sambutan Awal Tahun Hijrah di negara ini telah disebut sebagai 'Sambutan I'lal Hijrah'. 'I'lal Hijrah' bermaksud menuju kepada penghijrahan.

Penghijrahan adalah bagi memperoleh kejayaan dan kehidupan yang lebih baik. Kata-kata sambutan mengalun-alukan kedatangan Tahun Baharu Hijrah dengan semangat mengajak umat Islam sentiasa istiqamah dalam mengubah diri kepada yang lebih baik dari setahun ke setahun.

Mengubah diri dari tahun ke tahun kepada yang lebih baik iaitu semakin mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan amal ibadah dan amal kebaikan yang diredayai oleh-Nya itu sememangnya sesuatu yang baik dan dituntut. Umat Islam perlu berusaha berhijrah meninggalkan segala perbuatan yang mendatangkan keburukan

dan membawa kepada kegagalan hidup lebih-lebih lagi perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Perbaikilah diri menjadi Muslim yang taat kepada perintah Allah, menjadi Muslim yang bertanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga masyarakat dan negara, sambil itu terus berusaha dan merancang tanpa mensia-siakan masa dan peluang yang ada untuk sama-sama menyumbang ke arah kemajuan dan kesejahteraan bangsa dan negara.

Bersempena dengan I'lal Hijrah 1446, tema sambutan kali ini ialah 'Memelihara Akal, Masyarakat Sejahtera'.

## Akal kurnia Allah Subhanahu Wata'ala

Sememangnya akal itu merupakan satu kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang terpenting bagi manusia. Akal merupakan tunjang utama dan sebahagian daripada hakikat kejadian manusia yang membezakannya dengan makhluk-makhluk lain.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab dan kepentingan bagi setiap individu untuk memeliharanya. Fungsinya patut dimaksimumkan dan sebarang kemudaratannya terhadap akal hendaklah dielakkan. Menjaga akal juga merupakan salah satu prinsip yang terkandung di dalam Maqasid Syariah.

Akal merupakan tempat daya berfikir manusia dan ia umpsama 'mesin' yang menyerap dan menganalisis data.

Perlu diketahui bahawa akal bukan sahaja memainkan peranan besar untuk tuannya

tetapi juga memberi impak terhadap tindakan setiap individu yang akhirnya memberi kesan kepada orang sekeliling, masyarakat, bangsa, negara dan agama. Inilah sebabnya penting akal itu dipelihara.

Fungsi akal itu patut dimaksimumkan mengikut kapasiti dan kekuatan yang ada pada diri masing-masing. Dalam prinsip memelihara akal, maka kita perlu belajar dan mengajar.

Tanpa akal, agama tidak akan dapat dipelihara, nyawa boleh terancam, keturunan boleh tergugat dan seseorang boleh jatuh ke lembah kemiskinan.

Akal memainkan peranan yang sangat penting bagi setiap insan untuk memastikan kelangsungan hidup yang terancang dan ketinggian syiar Islam. Jika akal dapat dipelihara sebaiknya, baik dari sudut pemakaian dan penggunaannya, maka barulah kesejahteraan dalam masyarakat dapat dicapai.

## Kepentingan membimbang akal

Kemudaratannya terhadap akal fikiran boleh berlaku secara langsung seperti mengambil minuman yang memabukkan atau mengambil bahan terlarang lain seperti dadah.

Sehebat-hebat akal, namun ia tidak boleh dibiar tanpa panduan agama. Ini kerana akal yang tidak menuruti panduan agama maka secara langsung ia menuruti hawa nafsu.

Akal tidak boleh dibiar operasi 'sendiri' melainkan dengan bimbang

agama dan petunjuk yang dibawakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Inilah jalan selamat yang membawa manusia menggunakan akalnya mengenai hakikat kehidupan dan penciptaan dirinya.

Akal perlu dibimbing dengan panduan agama seterusnya akal akan membimbang nafsu ke atas fitrah yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Akal sekalipun hebat dan pandai dalam menganalisa sesuatu maklumat, namun penturut kepada kebenaran ialah apabila sesuatu tersebut menepati Al-Quran dan As-Sunnah. Namun, jika sebaliknya, iaitu bercanggah dengan keduanya maka ia adalah termasuk dalam perkara yang batil, tidak diterima.

Selain itu, kesan yang timbul akibat daripada manusia tidak memimpin akal ke arah kebaikan, maka akan berlakunya kerosakan dan kemusnahan di bumi Allah. Sukarlah bagi masyarakat untuk mencapai kesejahteraan seperti mana yang diidam-idamkan apabila akal dikuasai oleh hawa nafsu.

Untuk itu bersempena dengan I'lal Hijrah ini, sama-sama kita berhijrah dalam berusaha untuk menjaga akal kitani ke arah kebaikan dan berfikiran positif. Jauhilah apa saja yang boleh merosakkan akal dan akidah kerana kesannya bukan sahaja dialami secara individu malah ia boleh memberi keburukan kepada masyarakat sekeliling.



# Hijrah - Wadah buka lembaran baharu

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TAHUN 1445 Hijrah telah meninggalkan kita dengan pelbagai kenangan. Kini umat Islam meraikan kedatangan Awal Tahun Baharu 1446H dengan penuh harapan agar dapat menjalani hari-hari mendatang di bawah lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjadikan peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pedoman hidup seharian.



Selamat Menyambut Awal Tahun Hijrah 1446 yang baharu, semoga tahun ini kita diberkati dengan kebahagiaan, kejayaan dan kesejahteraan. Marilah kita ambil kesempatan untuk merenungkan dan memperbaiki diri, serta meningkatkan kebaikan dalam setiap langkah yang kita ambil. Tidak dilupakan kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga, raja dan pemimpin kita, guru-guru, sahabat handai, anak-anak didik serta seluruh umat Muslimin kita doakan semoga azam untuk tahun ini dapat dicapai dengan lancar dan menjadi lebih baik dari sebelumnya. Jadikan bacaan Al-Quran sebagai rutin harian dan satu kebiasaan, semoga azam-azam ini dapat membantu kita menjadi hamba Allah yang lebih bertakwa dan lebih dekat dengan Nya. Salam Ilal Hijrah buat semua.

**Awang Haji Mohammad bin Ali**  
Johan Qari Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan  
Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masih.

Segala puji bagi Tuhan semesta alam yang menganugerahkan *kitami* dengan hari yang baharu, tahun yang baharu, namun masih bernafas seperti biasa setelah berganti hari yang baharu. Mari sama-sama kita bersyukur atas segala sesuatu yang sudah, sedang dan akan berlaku kerana semuanya adalah tanda kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala akan hamba-hamba-Nya. Mari kita sama-sama muhasabah atas segala sesuatu yang sudah kita lakukan pada tahun yang lalu untuk menjadi pengalaman yang berharga agar kita sentiasa meningkatkan kualiti diri di mata

Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala : *"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhira); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."* (Surah Al Hasyr, ayat 18).



**Dayang Nurul Nadzirah binti Haji Simpon**  
Pengerusi Belia Muallaf As-Syahadah.

Peringatan hijrah memberikan inspirasi bagi umat Islam untuk berubah ke arah yang lebih baik. Seperti Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat yang membangun Madinah sebagai model masyarakat Islam yang ideal, umat Islam didorong untuk terlibat aktif dalam membangun masyarakat yang berkeadilan dan sejahtera. Ini juga merupakan saat untuk merefleksikan diri, pencapaian, serta menetapkan tujuan baharu dalam meningkatkan kualiti kehidupan. Dengan merenungkan perjalanan Rasulullah dan para sahabat, umat Islam didorong untuk terus berusaha untuk memperbaiki diri dan berhijrah ke arah lebih baik. Tidak dilupakan kepada kedua ibu bapa, ahli keluarga, pemimpin kita, guru-guru, sahabat handai, serta seluruh umat Muslimin terutamanya di Palestin, semoga semuanya berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kestabilan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Salam Ilal Hijrah buat semua.



**Awang Mohamad Dzulbilmi bin Haji Brabit**  
Pegawai Pelajaran, Kementerian Pendidikan.



**Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad Bolkini**  
Ketua Unit Sukarelawan dan Kemasyarakatan Belia  
Masjid Senegara.



Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, kita dapat menyambut Awal Tahun Baharu Hijrah dengan penuh keinsafan dan kesyukuran. Tahun Baharu Hijrah adalah masa untuk kita memperbaiki diri dan mengambil iktibar peristiwa hijrah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah. Semoga kita semua dapat memperbaiki azam dan niat, memperbaiki ibadah serta meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati usaha kita semua untuk memperbaiki diri dan berhijrah ke jalan yang lebih baik. *Amin Ya Rabbal 'Alamin*. Selamat Menyambut Awal Tahun Baharu 1446 Hijrah!

**Ampuan Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad**  
RPK Kampung Lugu.

Dalam semangat hijrah, ini adalah masa untuk kita muhasabah diri dengan melihat kelemahan dan kekurangan diri, serta merangka strategi untuk memperbaikinya. Gagasan hijrah dalam muhasabah diri menuntut kita untuk terus berusaha menjadi lebih baik, lebih berakhlak, dan lebih beradab. Sejak dengan era digital kini, kemajuan teknologi dan perubahan sosial yang pesat memerlukan kita bijak menyesuaikan diri tanpa mengorbankan nilai-nilai Melayu Islam Beraja. Marilah kita menjadikan hijrah sebagai inspirasi untuk terus bergerak ke hadapan, memperbaiki diri, dan membina masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.



**Awang Md. Shabrin bin Haji Metussin**  
Tenaga Pengajar Pusat Tingkatan Enam, Belait.

# PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



KETUA Kampung Birau, Kebia dan Luagan Timbaran, Awang Masburah bin Suhaih hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengisianan bagi Dayang Zahara binti Burub berserta dengan anak lelaki beliau (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).

**Berita dan Foto : Ihsan Awang Masburah Suhaih**

**TUTONG**, Sabtu, 6 Julai. - peningkatan di mana bilangan Perkembangan syiar Islam yang saudara baharu yang telah jitu di negara ini jelas menunjukkan memeluk Islam semakin bersinar

dan menjadikan Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Dayang Zahara binti Burub berserta dengan anak lelaki beliau dengan hati yang penuh ikhlas telah melaafazkan dua kalimah syahada di hadapan pegawai dari Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, baru-baru ini.

Majlis Pengisianan diadakan di kediaman Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman bin Uking yang mana menyaksikan wanita berusia 50 tahun itu, kini dikenali sebagai Nur Hidayah binti Muhammad Noor.

Manakala anak lelakinya, Iswandy bin Jandy, kini dikenali sebagai Muhammad Iswandy bin Muhammad Affandy.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Kampung Birau, Kebia dan Luagan Timbaran, Awang Masburah bin Suhaih.

Turut hadir, Penolong Ketua

Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Dayang Nurhuwaina binti Mamud dan beberapa orang pegawai dari Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Majlis diserikan dengan laungan Dikir Marhaban daripada Biro Muslimah Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Birau serta taburan bunga rampai oleh tetamu kehormat dan para jemputan.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati dari Pusat Da'wah Islamiah yang disampaikan oleh Awang Masburah kepada saudara baru yang diraikan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat turut dibacakan oleh wakil daripada Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.



## TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:  
Pastikan menggunakan pelayar seperti  
Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari



سوروهنجاۓ ڦرخمنٽ عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

#1

Format fail yang betul

PDF:  
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)


#2

Saiz fail tidak melebihi 3MB



#3

Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna



#4

Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



## DARI MAHKAMAH

### 6 warga asing terlibat kegiatan judi

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Julai. - Enam orang warga asing terdiri daripada warganegara Bangladesh, Indonesia dan Malaysia didapati bersalah atas tuduhan terlibat dalam kegiatan perjudian jenis Katam-katam.

Majistret Abdul Azim bin Othman menjatuhkan hukuman denda BND5,000 atau lima bulan penjara jika gagal membayar denda terhadap Defendan 1, 2 dan 3 manakala bagi Defendan 4 dan 14 didenda sebanyak BND1,000 atau penjara sebulan jika gagal membayar serta Defendan 15 pula tidak mengaku bersalah dan akan dibicarkan.

Kesemua defendan telah diberkas di sebuah kediaman yang terletak di Jalan Tutong, Kampung Kilanas pada 25 Jun 2024 oleh pihak berkuasa.

Jenayah yang dilakukan oleh kesemua defendan ini disiasat di bawah Seksyen 4 (C), Akta Rumah Judi Terbuka, Penggal 28 yang boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun dan denda tidak kurang daripada BND5,000.

## 2 KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PEKERJAAN, 2009 DIKESAN



OPERASI Siaga Bersepadu 2024 bersama Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) pada 2 Julai 2024 bertujuan untuk sama-sama menguatkuasakan dan memastikan undang-undang serta peraturan dipatuhi oleh para majikan (kiri dan kanan).

 Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi

Siaga Bersepadu 2024 bersama Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) pada 2 Julai 2024 bertujuan untuk sama-sama menguatkuasakan dan memastikan undang-undang serta peraturan dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan

di bangunan komersial kawasan Kampung Gadong bagi kegiatan aktiviti pemasaran dan penjualan harta tanah telah mendapati dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan

oleh majikan, iaitu Bab 10, Tidak menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; dan Bab 82, Gagal menyediakan kelengkapan Pertolongan Cemas di premis kegiatan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan berkenaan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis untuk ditandatangani oleh para pekerja dan majikan serta hendaklah menyediakan kelengkapan Pertolongan Cemas di premis-premis kegiatan.

Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

## Operasi Siaga : 5 kesalahan dibongkar



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Siaga KB 139/2024 di satu kawasan pada 29 Jun 2024 (atas dan atas kanan).

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 6 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga KB 139/2024 di satu kawasan pada 29 Jun 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan, 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di kawasan Jalan Pretty, Kuala Belait telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10, Majikan tiada menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 44, Membuat pemotongan gaji

pekerja yang tidak dibenarkan, Bab 70, Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 72, Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, dan Bab 82, Gagal menyediakan kelengkapan Pertolongan Cemas.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi

tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

BARU



سوروهنجاي قرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# PENTING

## SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP


- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



# RIADAH HIJRAH SEMARAKKAN SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1446



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MUKIM SERASA**, Ahad, 7 Julai. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Az-Zakireen Meragang menganjurkan Tazkirah Subuh dan Riadah Hijrah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1446.

Acara berkenaan bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana Sambutan Ilal Hijrah 1446

selain menjadikan aktiviti riadah berkenaan sebagai amalan hidup sihat dalam kalangan jemaah masjid dan orang ramai.

Antara pengisian program berkenaan ialah Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di masjid berkenaan, diikuti dengan tazkirah yang menyentuh mengenai pahala



AHLI Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Az-Zakireen Meragang menganjurkan Tazkirah Subuh dan Riadah Hijrah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1446 (atas kiri dan atas).

berlipat kali ganda yang dapat diraih jemaah apabila menuaikan solat di masjid.

Tazkirah Subuh berkenaan disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammalli bin Haji Adam.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan senamrobik di kawasan letak kereta Masjid Az-Zakireen Meragang, disusuli Riadah Hijrah berjalan kaki di sepanjang Jalan Kamangsi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang.

Acara berkenaan turut disertai AJKT, Muslimah, belia dan jemaah Masjid Az-Zakireen Meragang serta orang ramai.

Hadir sama, Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Meragang, Awang Mohamad bin Haji Tamin.

## Jalin silaturahim melalui aktiviti sukan



SESI bergambar ramai pada Perlawanan Persahabatan Bola Sepak di antara Pasukan Kobe FC dan Labuan Legend yang diadakan di Padang Sintetik Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

Berita dan Foto : Ihsan Kobe FC

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Julai. - Perlawanan Persahabatan Bola Sepak di antara Pasukan Kobe FC dan Labuan Legend, yang disertai oleh para belia tempatan dan pemain veteran telah diadakan baru-baru ini bertempat di Padang Sintetik Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan. Perlawanan tersebut dimenangi oleh Kobe FC yang berjersi hijau dengan jaringan 3-2.

Jaringan Kobe FC masing-masing dihasilkan melalui Awang Abd. Adib bin Abd. Khani dengan satu jaringan manakala dua jaringan lagi disempurnakan oleh Mohammad Khamarull Harzazey Rosle.

Awang Kamaluddin Abdullah, selaku Penolong Pengurus Pasukan Kobe FC menyatakan pasukan tersebut ditubuhkan pada tahun 2022 dan Perlawanan Persahabatan ini merupakan julung

kali diadakan di luar negara bagi Pasukan Kobe FC.

Sementara itu, Ketua Pasukan Kobe FC, Awang Abd. Adib bin Abd. Khani berkata melalui perlawanan berkenaan, kedua-dua pasukan dapat belajar meningkatkan gaya hidup sihat dan mengeratkan tali silaturahim di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Labuan melalui aktiviti sukan.

Beliau menambah pasukan ini akan mengadakan lagi Perlawanan Persahabatan yang akan diadakan di Thailand dan Singapura. Pasukan ini jelasnya, juga membuat persiapan dengan mengadakan perlawanan persahabatan dengan beberapa pasukan di negara ini.

Beliau juga berharap agar ramai lagi pasukan di NBD untuk melangkah ke depan dengan selalu mengadakan Perlawanan Persahabatan di dalam maupun di luar negara.

**Selamatkan Usus Awda.**

کمترین کسیحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui  
lebih lanjut mengenai  
**program pemeriksaan  
kanser kolorektal,  
sila jumpa\* Doktor  
awda hari ini atau  
layari  
[www.ppk.gov.bn](http://www.ppk.gov.bn)**



\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



ePaper Pelita Brunei



## KASUKA FC U16 MENANG BERGAYA



PARA pemain memperlihatkan teknik permainan mereka pada Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sport School 2024 (kiri dan kanan).

■ Berita dan Foto : Ihsan Kumpulan Syarikat HiTune

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Julai. - Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sport School 2024 semakin menarik dengan kejayaan bergaya Pasukan Kasuka FC U16 menewaskan Pasukan AKSE Bersatu U16 dengan kedudukan 5-0 di Padang FABD, hari ini.

Kemenangan besar Pasukan Kasuka FC

U16 itu diperoleh menerusi jaringan hatrik Md. Eddy Alif Sahuali yang menyumbat gol masing-masing pada minit ke-48 dan minit ke-58 sebelum melengkapkan jaringan menarik pada minit ke-80.

Dua jaringan awal dihasilkan oleh Muhammad Ali Adri Rayyan Ali Adnani pada minit ke-13 dan Md. Hadiman

Sulaiman membantu menceriakan penyokongnya menerusi rembatan pada minit ke-73.

Pasukan ASKE Bersatu U16 yang kini di kedudukan tercorot liga bagaimanapun berjaya memberikan sajian menarik namun beberapa asakan bahaya mereka kerap digagalkan oleh pertahanan kental Kasuka FC.

Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune

Sport School 2024 yang dikendalikan oleh 'YAKIN Football League' itu menampilkan lapan buah pasukan yang berpotensi.

Pasukan BSRC U16 kini mengungguli puncak liga dengan 10 mata sekalipun Pasukan Brazilian Football Academy dan Sports School U16 memperoleh kutipan mata yang sama namun kelebihan jaringan memisahkan kedudukan pasukan tersebut.

## DPMM FC terlepas peluang 3 mata

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Instagram @Singapore Premier League

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Pasukan Brunei DPMM FC terlepas peluang untuk mengutip tiga mata setelah tewas di tangan Balestier Khalsa FC 4 - 2 pada pertemuan Liga Perdana Singapura (SPL), di Stadium Bishan, Singapura baru-baru ini.

Separuh masa pertama menyaksikan Brunei DPMM FC memulakan permainan dengan baik dan memberi tekanan melalui serangan bertali arus menggegarkan pertahanan lawan.

Gol pembukaan Brunei DPMM FC berjaya dijaringkan pada minit ke-5 hasil tandukan Julio César Cruz setelah menerima hantaran lintang daripada Hakeme Yazid Said.

Meskipun ketinggalan 0 - 1, Balestier Khalsa FC mula menunjukkan taringnya setelah

berjaya menggegarkan gawang Brunei DPMM FC sekali gus menyamakan kedudukan 1 - 1 pada minit ke-36 menerusi sepakan Amiruldin Asraf.

Balestier Khalsa FC menambah lagi gol 2 - 1 pada minit ke-42 hasil jaringan Amer Hakeem dan terus menguasai permainan apabila sepakan Ismail Sassi berjaya membolosi gawang Brunei DPMM FC pada masa tambahan menjadikan kedudukan 3 - 1.

Bersambung babak kedua perlawanan, Balestier Khalsa FC yang mempermaksa jentera serangan berhasil meraih gol kedua seawal 2 minit babak kedua bermula melalui rembatan Ignatius Ang, menewaskan penjaga gawang import Brunei DPMM FC, Kristijan Naumovski.

Ketinggalan 4 - 1, Brunei DPMM FC terus mengatur

strategi melakukan serangan dan hasilnya berjaya menambah lagi satu gol pada minit ke-69 melalui jaringan Gabriel Gama.

Jaringan 4 - 2 kekal sehingga pengadil meniupkan wisel penamat bagi separuh masa kedua.

Dengan keputusan tersebut, Brunei DPMM FC kini berada di tangga ke-5 dengan mendapat tujuh mata.

Lion City Sailors masih lagi mengekalkan kedudukan di tangga teratas dengan 13 mata, diikuti Tampines Rovers juga dengan 13 mata di tempat kedua dan Balestier Khalsa FC di tempat ketiga dengan 11 mata.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan Brunei DPMM FC menentang Tampines Rovers pada Sabtu, 13 Julai 2024 bertempat di Stadium Jalan Besar.



ANTARA aksi pemain semasa perlawanan yang berlangsung di Stadium Bishan, Singapura.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERSAMA-SAMA MENYUMBANG KE ARAH KEMAJUAN, KESEJAHTERAAN BANGSA, NEGARA